



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 1/2025

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Kumpulan H, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan kewangan di butiran 3 dan 4 tidak termasuk senarai perkhidmatan kewangan di LAMPIRAN A .	Tiada.
2.	Pengecualian daripada dikenakan tindakan kompaun, pendakwaan dan penalti sehingga 31 Disember 2025 bagi kesalahan berikut: (a) lewat daftar (b) lewat hantar penyata (c) lewat bayar (d) tersilap ikrar (terkurang ikrar & terkurang bayar) (e) apa-apa kesilapan yang berkaitan dengan invois, nota kredit atau nota debit	(a) Kesalahan terlibat dikesan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atau syarikat membuat pengakuan atau pengikraran sukarela ke atas kesalahan terlibat. (b) Pengecualian tidak terpakai bagi kesalahan frod atau kesalahan yang disengajakan. (c) Permohonan remisi penalti perlu dibuat kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengikut prosedur yang ditetapkan.
3.	Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan.	
4.	Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran	



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025. Perkhidmatan yang diberikan atau diperoleh mulai 1 Oktober 2025 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	
5.	Kontrak yang tidak boleh dikaji semula (<i>non-reviewable contracts</i>) diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026. Perkhidmatan yang diberikan mulai 1 Julai 2026 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan; (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai; (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan disetemkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; (d) Kontrak dengan jelas menyatakan: (i) jenis perkhidmatan yang disediakan; (ii) nilai kontrak yang tetap (tidak berubah); (iii) tempoh kontrak; dan (e) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025.
6.	Kemudahan pengecualian <i>business to business (B2B)</i> diberikan ke atas perkhidmatan kewangan bercukai bagi transaksi melibatkan dua penyedia perkhidmatan kewangan.	(a) Perkhidmatan kewangan bercukai diperoleh daripada penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar lain; dan (b) Perkhidmatan kewangan bercukai yang diperoleh digunakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan berikut:



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(i) perkhidmatan kewangan bercukai; (ii) perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia; atau (iii) perkhidmatan kewangan yang berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia.
7.	Perkhidmatan diimport oleh penyedia perkhidmatan kewangan berdaftar diberi pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan.	(a) Perkhidmatan kewangan bercukai diperoleh daripada penyedia perkhidmatan kewangan di luar Malaysia; dan (b) Perkhidmatan kewangan bercukai yang diperoleh digunakan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan berikut: (i) perkhidmatan kewangan bercukai; (ii) perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan barang, tanah atau perkara di luar Malaysia; atau (iii) perkhidmatan kewangan yang berkait secara langsung dengan barang yang dieksport keluar dari Malaysia.
8.	Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas yuran berkaitan dagangan saham yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu: (a) Yuran penjelasan & yuran perdagangan (<i>clearance fee & trading fee</i>) yang dikenakan kepada broker saham (b) Yuran pemprosesan & yuran penelitian (<i>processing fee & perusal fee</i>) yang dikenakan	Tiada.



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	kepada syarikat penerbit (<i>issuer</i>) atau syarikat tersenarai (<i>listed company</i>) bagi Pasaran ACE.	
9.	Pengecualian pembayaran CP ke atas fi wakalah yang dikenakan dalam transaksi atau instrumen yang dijalankan atau dibuat secara patuh syariah.	(a) Penyedia perkhidmatan kewangan Islam adalah orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018; (b) Fi berkenaan adalah berkaitan dengan prinsip wakalah yang merupakan kontrak sokongan kepada kontrak utama yang digunakan dalam struktur produk atau instrumen kewangan Islam; (c) Fi berkenaan bukan digunakan sebagai kontrak utama; (d) Fi berkenaan tidak dikenakan secara berasingan oleh penyedia perkhidmatan kewangan Islam; (e) Fi berkenaan merupakan bayaran mandatori dalam struktur produk atau instrumen kewangan Islam; dan (f) Produk atau perkhidmatan tersebut mendapat pengesahan patuh syariah daripada pihak berkuasa iaitu Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Jawatankuasa Syariah Penyedia Perkhidmatan Kewangan Islam, mana-mana yang berkenaan.

**Untuk maklumat lanjut berkaitan dasar ini, sila rujuk Panduan Perkhidmatan Kewangan di laman web MySST.*



LAMPIRAN A

**PERKHIDMATAN KEWANGAN BERASASKAN FI YANG DIKENAKAN
CUKAI PERKHIDMATAN**

1. Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kewangan berasaskan fi bermula 1 Julai 2025 adalah seperti berikut:

A. CONVENTIONAL AND ISLAMIC BANKING SERVICES
(including Development Financial Institutions)

- *Treasury Services*
- *Credit Facility*
- *Facility Fee for Arranging and Marking Limit*

B. CORPORATE BANKING ADVISORY SERVICES

- *Global Markets and Corporate Banking Advisory Services*
- *Structuring of securities fee*
- *Processing fee*
- *Participation in deals fee*
- *Pass-through deal fee (with markup)*
- *Upfront fee*
- *Administrative charges*
- *Letter of Undertaking/Support/Credit Advice charges*
- *Annual review of facilities fee*
- *Restructuring/ rescheduling fee*
- *Extension fee*

C. INVESTMENT BANKING SERVICES (Debt Markets)

- *Arranger/Facility Agent Services*
- *Arranger Fee*
- *Facility Agent Service Fee*
- *Agency Fee*
- *Administrative charges*



D. EQUITY MARKETS

Services in Relation to IPO/ Offer for Sale/ Divestments/ Placements/ Special Issues/ Related Issues/ Merger & Acquisitions/ Takeovers/ Restructuring/ Capital Reduction/ Share Split/ Share Consolidation/ Bonus Issues/ ESOS/ Share Grant/ other similar products as follows:

- *Structuring of securities fee*
- *Introductory Fee for Introducing Clients*
- *Success Fee for Successful Deal*
- *Performance Fee for Successful Deal*
- *Incentive Fee - Discretionary Amount by Issuer*

E. BURSA MALAYSIA SERVICES

- *Initial Listing Fees charged to issuers*
- *Annual Listing Fees charged to issuers*
- *Additional Listing Fees charged to issuers*
- *Member services and connectivity fees*

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**